

**SYARAT KELAYAKAN BANTUAN KEWANGAN GERAN BANTUAN KHAS
SECARA ONE-OFF RM3000.00 DI BAWAH INISIATIF PROGRAM STRATEGIK
MEMPERKASA RAKYAT DAN EKONOMI (PEMERKASA) BAGI SYARIKAT
MALAYSIA MY SECOND HOME (MM2H) YANG BERLESEN DI BAWAH MOTAC**

1. Hanya **syarikat MM2H** yang mempunyai **lesen Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri (*Inbound*)** di bawah **MOTAC** sahaja yang layak menerima bantuan kewangan ini.
2. Hanya pemegang lesen yang masih sah berkuatkuasa dengan MOTAC semasa permohonan dibuat layak menerima bantuan kewangan ini.
3. Lesen perniagaan pengendalian pelancongan dalam negeri (MM2H) yang telah **tamat tempoh sah laku pada/selepas 1 Januari 2020** dan telah mengemukakan permohonan pembaharuan lesen berserta dengan bayaran fi proses sebelum/pada **15 Ogos 2021** berdasarkan Garis Panduan Pembaharuan Lesen sedia ada layak menerima bantuan kewangan ini.
4. Lesen perniagaan pengendalian pelancongan dalam negeri (MM2H) yang telah **tamat tempoh sah laku sebelum/pada 31 Disember 2019** dan telah mengemukakan permohonan pembaharuan lesen dalam tempoh pelaksanaan **PEMERKASA 2021 (16 Mac 2021 sehingga 15 Ogos 2021)** tidak layak dipertimbangkan untuk menerima bantuan kewangan ini.
5. Mana-mana Syarikat Pengendali Pelancongan (MM2H) yang mempunyai kompaun tertunggak yang dikeluarkan oleh MOTAC di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [*Akta 482*] atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [*Akta 594*] layak untuk menerima bantuan kewangan ini.
6. Syarikat Pengendali Pelancongan (MM2H) yang layak menerima bantuan ini perlu mengemukakan Borang PEMERKASA MM2H secara dalam talian.
7. Pemberian Bantuan Kewangan Geran Bantuan Khas sebanyak RM3000 ini hanya akan diberikan secara *one-off* kepada lesen Ibu Pejabat sahaja.

8. Tarikh tutup permohonan ditetapkan pada **31 Ogos 2021** dan sebarang permohonan yang dikemukakan selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

